



18 SEP, 2024

Kastam Melaka rampas lima tan serbuk timah

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam Melaka rampas lima tan serbuk timah

MELAKA – Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Melaka menyita serbuk timah seberat 5,000 kilogram (kg) yang dipercayai diseludup dari Indonesia untuk kegunaan sektor perindustrian tempatan, bulan lalu.

Pengarah Kastam Melaka, Nadzri Che Ani berkata, timah tersebut dibawa masuk dalam bentuk serbuk dan dibungkus dalam beberapa beg plastik.

Kata beliau, sindiket dikesan menggunakan laluan perairan negara berhampiran bandar Mersing, Johor pada waktu pagi dengan menggunakan sebuah bot.

“Bertindak atas maklumat dan risikan, sepasukan anggota bahagian penguatkuasaan kastam telah bertindak menyerberu sebuah lori jenis Hino pada 17 Ogos lalu. Pemeriksaan lanjut mendapati terdapat kira-kira 5,000 kg serbuk timah dipercayai barang tidak berkastam.

“Susulan itu, seorang pemandu lori bersama pembantunya masing-masing berusia 30-an dan 40-an ditahan selepas gagal mengemukakan bukti dokumen percukaian

yang sah.

“Jumlah rampasan dan sitaan membabitkan sebuah lori dan serbuk timah dianggarkan berjumlah RM450,000. Kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967,” katanya pada sidang akhbar JKDM Melaka di sini semalam.

Sementara itu, dalam kes berasingan, Nadzri berkata, pihaknya merampas sebuah kereta mewah jenama Lotus bernilai RM531,960 di sebuah pusat beli belah di Selangor, Julai lalu.

Menurutnya, kereta sport berwarna putih itu dipercayai diseludup dari Singapura untuk diedarkan dalam negara.

“Kenderaan tersebut diparkir selama tiga bulan di tempat letak kereta untuk mengelirukan pihak berkuasa.

“Bagaimanapun pihak kastam berjaya mengesan dan menyita kereta tersebut, namun tiada suspek yang ditahan,” katanya.

Dalam pada itu, Nadzri memaklumkan, JKDM Melaka telah menumpaskan pelbagai kegiatan penyeludupan bernilai RM1.2 juta bagi tempoh Julai hingga September ini.



NADZRI (tengah) menunjukkan serbuk timah yang dirampas ketika sidang akhbar di Wisma Kastam, Ayer Keroh, Melaka semalam.



18 SEP, 2024

Kastam Melaka rampas lima tan serbuk timah

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

MELAKA - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Melaka menyita serbuk timah seberat 5,000 kilogram (kg) yang dipercayai diseludup dari Indonesia untuk kegunaan sektor perindustrian tempatan, bulan lalu. Pengarah Kastam Melaka, Nadzri Che Ani berkata, timah tersebut dibawa masuk dalam bentuk serbuk dan dibungkus dalam beberapa beg plastik.Kata beliau, sindiket dikesan menggunakan laluan perairan negara berhampiran bandar Mersing, Johor pada waktu pagi dengan menggunakan sebuah bot.